

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun]
TARIKH : 2.4.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang melibatkan akhlak guru dan pelajar dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap individu yang mencederakan YB Timbalan Menteri Pendidikan di Hulu Selangor pada 11 Januari 2014 lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah pun melepasi setahun pelaksanaannya sejak dimulakan pada Januari 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan bahawa inisiatif yang disediakan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2025 dengan melalui tiga (3) gelombang. Gelombang 1 PPPM iaitu tahun 2013 hingga 2015, iaitu perubahan sistem yang menyokong peranan guru dan kemenjadian murid dengan memberi tumpuan kepada kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir aras tinggi dan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Oleh kerana pelaksanaannya masih baru, banyak perkara yang perlu dilakukan oleh Kementerian terutamanya dalam usaha meningkatkan lagi kualiti guru secara keseluruhannya. KPM juga telah menyusun pelbagai program untuk

menyebarkan maklumat mengenai PPPM ini, supaya semua pihak dapat memahami dan mengambil bahagian mengikut fungsi dan peranan masing-masing. Namun begitu, sehingga kini banyak kejayaan yang telah dicapai seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan-jawapan sebelum ini dan satu laporan tahunan pencapaian PPPM akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Menyentuh mengenai tindakan ke atas kes yang dibangkitkan, KPM telah menerima laporan awal berhubung kes tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes tersebut masih di dalam siasatan polis dan saya tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut perkara ini. Sebarang tindakan lanjut akan merujuk kepada Peraturan 4(2) (d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 untuk tindakan selanjutnya.

Rjm100